

# MPKj tubuh pasukan khas pantau kilang haram

**KUALA LUMPUR 5 Okt.** - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) hari ini menubuhkan satu pasukan khas bagi memantau premis yang beroperasi sepanjang Sungai Semenyih bagi memastikan pencemaran air disebabkan kilang haram tidak berulang.

Pegawai Perhubungan Awam, Unit Perancangan Korporat dan Perhubungan Awam MPKj, **Kamarul Izlan Sulaiman** berkata, selain pemantauan, pasukan khas itu juga turut diarahkan memeriksa permit serta prosedur operasi standard (SOP) kilang-kilang agar mengikut syarat-syarat ditetapkan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Kita memandang serius perkara ini dan akan melipatgandakan usaha menyemak dan memeriksa semua aktiviti yang dijalankan sepanjang Sungai Semenyih.

"Sekiranya premis berkenaan beroperasi secara haram dan tidak mengikut SOP ditetapkan, tindakan tegas akan diambil termasuk menyita dan mengenakan kompaun kepada pemilik," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas tindakan sita ke atas sebuah kilang haram di Lot 1571, Batu 22 1/4 Kampung Jalan Sungai Lalang, Semenyih dekat sini semalam yang dikesan melakukan pencemaran.

Empat daerah terjejas berdepan gangguan bekalan

## Loji Air Semenyih ditutup lagi

Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDDIN  
pengarang@utusan.com.my

■ HULU LANGAT 4 OKT.

KIRA-KIRA 1.8 juta penduduk di empat daerah iaitu Hulu Langat, Kuala Langat, Petaling dan Sepang sekali berdepan gangguan bekalan air.



**KERATAN Utusan Malaysia semalam.**

Berikutan pencemaran itu, empat daerah iaitu Hulu Langat, Kuala Langat, Petaling dan Sepang sekali lagi berdepan gangguan bekalan air berikutan Loji Air Semenyih ditutup buat kali keempat.

Sementara itu Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), **S. Piarapakaran** ketika dihubungi menegaskan, setiap kilang sepatutnya direkodkan secara teliti termasuk jenis operasi dan bahan kimia yang digunakan memandangkan masalah pencemaran berulang kali berlaku.

Katanya, itu bagi memudahkan siasatan dan proses dakwaan terhadap pihak yang terlibat.

"Bahan kimia ada pelbagai jenis termasuk yang mudah larut dalam air. Kita boleh tahu jenis, bau dan apa yang kita lihat. Itu perkara asas untuk tentukan bahan kimia berkenaan.

"Oleh itu, kita perlu senaraikan secara terperinci setiap

kilang yang ada dan pastikan sama ada bahan kimia dibuang mengikut prosedur atau tidak sebagai bukti kukuh untuk sabitkan mereka ke muka pengadilan," katanya.

Piarapakaran berkata, pihak yang didapati bersalah perlu dikenakan hukuman lebih berat termasuk dikenakan denda dan menanggung kos kerugian penduduk serta pengguna komersial.

Pensyarah Jabatan Biologi Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Dr. Ahmad Ismail** pula berkata, isu itu tidak sepatutnya berlaku selepas wujudnya undang-undang berkaitan alam sekitar

"Air merupakan perkara asas. Pengurusan dan penguatkuasaan undang-undang perlu diberi perhatian. Pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu terlibat bagi memastikan isu ini tidak berlaku lagi selepas ini," ujarnya.